

LAPORAN ANHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PARALIMPIK MALAYSIA
KUALA LUMPUR

AZINAH BINTI ABDOLAH

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100045509

ch: 5239

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang
Azimah Binti Abdolah
Judul/Latihan Industri di
Majlis perasmian

No. Panggilan
L13
FPE 1
2004

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

1100045509 Kolej Un

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Perpustakaan



LI 3 FPE 1 2004



1100045509

Laporan akhir latihan industri di Majlis Paralimpik Malaysia
Kuala Lumpur / Azimah Abdolah.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045509

1100045509

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAJLIS PARALIMPIK MALAYSIA KUALA LUMPUR

By

AZIMAH BINTI ABDOLAH
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada :

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


2004

1100045509

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Azimah Binti Abdolah mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Azimah Abdolah

Tarikh : 14 OCTOBER 2004

Disahkan oleh :



~~Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM~~

PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim.....

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang dan Mengasihani, alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah, kurnia dan rahmat-Nya dapat saya menyiapkan laporan Latihan Industri ini dengan sebaik mungkin tanpa menghadapi sebarang masalah, di samping mendapat bantuan dan galakan pelbagai pihak.

Di kesempatan ini, saya mengambil peluang mengalungkan seribu penghargaan kepada Penyelia Kustem saya Encik Mohamad Razali Abdullah di atas bimbingan, sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh beliau. Di samping itu ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Cik Norimah Mat Daud iaitu selaku Penyelia Industri saya, En. Zainal Abu Zarin selaku CEO dan juga kaki tangan di Majlis Paralimpik Malaysia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar selama 12 minggu saya menjalani Latihan Industri di Majlis Paralimpik Malaysia tersebut.

Selain itu tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak ternilai saya kepada ayahanda dan bonda yang telah banyak berkorban dan memberi semangat serta dorongan semasa saya menjalani Latihan Industri dan menyiapkan laporan ini. Semoga kecemerlangan dalam genggaman saya.

Sekian Wassalam.....

Yang Benar,



,
(Azimah Binti Abdolah)

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	i
PENGHARGAAN	ii
RINGKASAN EKSEKUTIF	iii

BAB I : LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.0 Pengenalan	1
1.1 Sejarah Ringkas Majlis Paralimpik Malaysia	
1.1.1 Penubuhan Majlis Paralimpik Malaysia	2
1.1.2 Dasar-Dasar Majlis Paralimpik Malaysia	2
1.1.3 Objektif Majlis Paralimpik Malaysia	3
1.1.4 Misi dan Visi Majlis Paralimpik Malaysia	6
1.1.5 Falsafah Majlis Paralimpik Malaysia	7
1.1.6 Ahli-Ahli Gabungan Majlis Paralimpik Malaysia	8
1.1.7 Rasional Logo Paralimpiad Malaysia	9
1.1.8 Profil Dan Status Paralimpiad Malaysia	10
1.1.9 Matlamat dan Objektif Paralimpiad	10
1.1.10 Misi dan Jangka Panjang	11
1.1.11 Kategori Kecacatan	12
1.1.12 Gerakan Paralimpik Negara Sedekad (GPN 2010)	12

1.2	Maklumat Organisasi	13
1.2.1	Kedudukan Organisasi Majlis Paralimpik Malaysia	13
1.2.2	Sumber Kewangan	13
1.2.3	Ahli Lembaga Pengarah	14
1.2.4	Penglibatan Sukan Dalam Dan Luar Negara	15
1.3	Struktur/ Carta Organisasi	19
1.3.1	Struktur Dan Pembahagian Tugasan	19
1.3.2	Carta Organisasi	21
1.4	Aktiviti Organisasi	22
1.5	Kemahiran Yang Dipelajari	26
1.5.1	Urusan Pentadbiran	26
1.5.2	Urusetia Aktiviti dan Acara Sukan	26
1.5.3	Kebolehan Komunikasi	27

BAB II : PENGENALPASTIAN MASALAH SERTA CADANGAN PENYELESAIAN

2.0	Pengenalan	28
2.1	Pengenalpastian Sistem Sedia Ada	29
2.1.1	Sistem Pengurusan Personel Jabatan (SISPEN)	30
2.1.2	Sistem Gaji Yang Sistematik	31
2.1.3	Sistem Pengkalan Data	32
2.2	Pengenalpastian Masalah	33
2.2.1	Percanggahan Pendapat Antara Jabatan-Jabatan	33
2.2.2	Tiada Sistem Punch Card	34
2.2.3	Kaki Tangan Tidak Mahir Berbahasa Inggeris	35
2.2.4	Kekurangan Kemudahan Komputer dan Penggunaan Teknologi Canggih	36

2.2.5 Kekurangan Peruntukan Kewangan	37
2.2.6 Kaki Tangan Setiap Jabatan Kurang Pengalaman	38
2.3 Rumusan dan Analisis Perbincangan	39
2.4 Cadangan Penyelesaian	41
2.4.1 Kakitangan Perlu Bersikap Profesional	41
2.4.2 Komitmen Kaki Tangan	41
2.4.3 Penguatkuasaan Penggunaan Bahasa Inggeris Di Tempat Kerja	42
2.4.4 Penambahan Infrastruktur Seperti Multimedia Super Corridor	43
2.4.5 Memohon Peruntukan Yang Lebih Banyak	43
2.4.6 Penghantaran Pekerja Menerusi Kursus	44
2.5 Perlaksanaan Cadangan Dan Implikasi	46
2.5.1 Kepentingan Bahasa Inggeris Dalam Komunikasi Harian	46
2.5.2 Teknologi Yang Lebih Canggih Diperlukan	47
2.5.3 Penekanan Dan Penerapan Dasar	48
BAB III : PENUTUP	50
RUJUKAN	
LAMPIRAN	

RINGKASAN EKSEKUTIF

Secara keseluruhannya, di dalam bab satu ini akan menceritakan tentang latar belakang Majlis Paralimpik Malaysia. Latar belakang Majlis Paralimpik Malaysia bermula dengan pengisian pengenalan, diikuti sejarah ringkas organisasi, maklumat dan carta organisasi, serta aktiviti Majlis Paralimpik Malaysia. Perawalan bab juga telah menerangkan secara terperinci berkenaan kemahiran yang dimiliki sewaktu menjalankan latihan industri selama 12 minggu di Majlis Paralimpik Malaysia. Antara kemahiran yang dipelajari termasuklah dalam urusan pentadbiran, urusetia aktiviti dan acara sukan serta kebolehan berkomunikasi. Maklumat tambahan berkenaan logo, aktiviti dan objektif Sukan Paralimpiad Malaysia juga diterangkan sebagai pengisian sebahagian daripada bab satu ini.

Untuk bab yang seterusnya iaitu bab dua, Laporan Industri ini telah membicarakan tentang pengenalpastian masalah dan cadangan penyelesaian yang wujud dalam Majlis Paralimpik Malaysia tersebut. Pengenalpastian masalah ini termasuklah mengenal pasti Sistem Pengurusan Sedia Ada. Di dalam Sistem Pengurusan Sedia Ada, iaanya merangkumi Sistem Pengurusan Personel Jabatan (SISPEN), Sistem Gaji Yang Sistematik dan Sistem Pengkalan Data. Terdapat juga pengenalpastian masalah yang lain seperti percanggahan pendapat antara jabatan-jabatan, tiada sistem ‘Punch Card’, kaki tangan tidak mahir berbahasa inggeris, kekurangan kemudahan komputer dan penggunaan teknologi canggih, kekurangan peruntukan kewangan dan kaki tangan setiap jabatan kurang pengalaman.

Bab dua ini juga telah memuatkan cadangan penyelesaian berdasarkan kepada masalah yang telah dikenalpasti. Antara cadangan penyelesaian tersebut termasuklah kakitangan yang perlu bersikap profesional, komitmen daripada semua kaki tangan, penguatkuasaan penggunaan bahasa inggeris di tempat kerja, penambahan infrastruktur seperti ‘Multimedia Super Corridor’, memohon peruntukan yang lebih banyak serta penghantaran pekerja menerusi kursus. Perlaksanaan cadangan mengakibatkan beberapa implikasi seperti kepentingan bahasa inggeris dalam komunikasi harian, teknologi yang lebih canggih diperlukan serta penekanan dan penerapan dasar.

Manakala bab tiga pula akan meringkaskan keseluruhan daripada Laporan Latihan Industri yang dijalankan di Majlis paralimpik Malaysia. Antaranya beberapa pandangan telah disuarakan agar Majlis Paralimpik Malaysia akan terus mendapat pengiktirafan yang sebaiknya dari semua pihak. Selain itu juga, diharap golongan kurang upaya tidak terus diabaikan kerana mereka juga mampu melakukan yang terbaik dalam arena sukan diperingkat kebangsaan mahupun yang bertaraf dunia.